

Pemeriksaan Sebelum Menunggang

Untuk menjamin keselamatan, anda bertanggungjawab untuk menjalankan pemeriksaan sebelum menunggang untuk membetulkan segala masalah yang mungkin wujud. Pemeriksaan sebegini semestinya dilakukan kerana bukan sahaja untuk mengelak kemalangan tetapi juga untuk mengelak kerosakan ataupun pancit.

Periksa bahagian berikut sebelum mula menunggang skuter anda:

- Paras minyak petrol - Isi tangki minyak apabila perlu. ➤ MS. 61
- Pendikit - Periksa untuk pastikan kawalan yang licin dalam semua posisi stereng. ➤ MS. 101
- Paras minyak enjin - Tambah minyak enjin jikalau perlu. Periksa kebocoran. ➤ MS. 89
- Paras cecair penyejuk - Tambahkan cecair penyejuk jikalau perlu. Periksa kebocoran. ➤ MS. 93

- Brek - Periksa operasi;
Hadapan: periksa paras bendalir brek dan kehausan pad. ➤ MS. 95, ➤ MS. 96
Brek Gabungan: periksa aras bendalir brek gabungan. ➤ MS. 95
Belakang: periksa kehausan kasut dan kelegaan, melaras jikalau perlu. ➤ MS. 96, ➤ MS. 99
- Lampu dan hon - Periksa lampu, isyarat dan hon berfungsi dalam keadaan baik.
- Suis enjin berhenti - Periksa untuk memastikan ia berfungsi. ➤ MS. 28
- Sistem pemutus penghidup tongkat tepi - Periksa keadaan fungsinya. ➤ MS. 100
- Roda dan tayar - Periksa keadaan, tekanan angin dan lakukan pelarasan jikalau perlu. ➤ MS. 78